Siti Suriani Othman
Dari Nottingham, England
suria3979@gmail.com

10 kes mahkamah paling ganjil 2008

ARTIKEL dalam akhbar *The Times* baru-baru ini amat menarik perhatian umum. Rencana mengenai 'kes mahkamah paling ganjil sepanjang 2008' di dunia umumnya menyenaraikan 10 kes paling menarik yang ingin saya kongsi dengan pembaca.

Ada kes yang lawak, ada pula tidak disangka-sangka. Sesungguhnya, kes inilah antaranya yang mewarnai 2008 di serata dunia. Kes ke-10 paling ganjil di mahkamah Britain ialah denda sebanyak 70 pound (kira-kira RM450) yang dikenakan terhadap seorang ahli bina badan selepas latihannya membina badan disahkan sebagai tidak bertoleransi terhadap jirannya.

Alat angkat beratnya dikatakan mengeluarkan bunyi bising sehingga mencecah 100 desibel yang dilakukan setiap dua jam sehari. Mahkamah juga memberi amaran kepada ahli bina badan ini untuk tidak menggunakan mesin tertentu dan hanya menumpukan kepada aktiviti latihan angkat berat.

Kes kesembilan dalam senarai yang dikemukakan oleh Profesor Gary Slapper ini pula mengenai seorang wanita di Amerika Syarikat yang menyaman syarikat kosmetik L'Oreal selepas warna rambutnya berubah daripada *blonde* (warna rambut putih asli sesetengah individu Barat) menjadi coklat pekat selepas menggunakan pewarna keluaran L'Oreal.

Samannya dibuat berasaskan kepada kesan perubahan warna rambut yang sudah menjadikannya tertekan dan menyekat kegiatan sosialnya. Namun, kes ini ditolak mahkamah kerana wanita bernama Feeney ini dikatakan 'tiada fakta, tiada pendapat dan tiada piawaian' untuk menyokong kesnya.

Kes di tangga kelapan dalam senarai kes mahkamah paling ganjil di dunia sepanjang 2008 pula berlaku di Greece. Dua wanita lesbian mengambil tindakan mahkamah untuk memenangi hak eksklusif dan membolehkan mereka diterima rasmi sebagai pasangan lesbian. Bagaimanapun, kes ini ditolak.

Kes ketujuh amat unik sekali. Di Itali, pasangan kembar seiras menggunakan adiknya untuk menyamar sebagai dirinya dan membolehkan mereka mengeluarkan wang serentak di dua tempat berbeza.

Kakak kepada pasangan itu yang juga seorang peguam dan hakim sambilan menggunakan adiknya untuk menyamar sebagai dirinya untuk tujuan itu. Hanya selepas tiga tahun menjalankan kegiatan tidak bermoral itu, 'tupai ini jatuh ke tanah juga' selepas pelanggan mereka terdengar perancangan yang dibuat.

Kes selanjutnya berlaku di Romania, salah satu negara di Eropah apabila ahli politiknya cuba melepaskan undang-undang berkaitan radio dan televisyen. Media massa disarankan untuk menyiarkan sekurang-kurangnya satu berita baik apabila menyiarkan satu berita buruk. Namun, mahkamah negara itu mendakwa bahawa berita tetap berita, tiada baik atau buruk. Berita adalah gambaran kepada realiti.

Kes kelima paling ganjil ini pula berlaku di Austria. Kumpulan hak haiwan menyuarakan agar Matthew Hiasl Pan, seekor cimpanzi diumumkan secara rasmi sebagai seorang manusia. Dengan hujah DNA cimpanzi 99.4 peratus menyamai DNA manusia, kumpulan hak haiwan itu mengharap agar Matthew diberikan status sama seperti seorang individu normal untuk membolehkannya meneruskan hidup selepas kehilangan tempat tinggal. Namun, mahkamah tidak dapat berbuat apa-apa memandangkan Matthew tidak boleh bercakap.

Kes berikutnya tidak kurang ganjilnya. Seorang remaja di Florida, Amerika Syarikat ditangkap polis kerana memakai seluar yang terlondeh melepasi pinggang dan menampakkan seluar dalamnya. Penduduk kawasan itu sendiri sudah tidak tahan melihat kerenah anak muda yang memakai seluar terlondeh sehingga dilihat memalukan.

Namun, remaja tadi terlepas daripada sebarang denda kerana 'undang-undang seluar londeh' yang wujud di kawasan itu bukan undang-undang yang sah di sisi perlembagaan.

Tiga kes di tangga teratas memperlihat kes di Macedonia, Eropah di mana seekor beruang coklat dituduh mencuri madu. Seperti cerita dongeng, seorang penternak lebah mencuba pelbagai cara untuk mengelak madunya dicuri, termasuk untuk mengelakkan daripada beruang tadi.

Selepas tidak berjaya, tindakan mahkamah diambil dan dia menang dalam kes itu. Memandangkan beruang itu tidak boleh membayar apa-apa kepadanya, mahkamah memutuskan kerajaan negeri untuk membayar ganti rugi kepada penternak lebah itu dengan jumlah 1,700 pound iaitu kira-kira RM11,000.

Kes di tangga kedua berlaku di London, Britain. Seorang wanita terlepas daripada denda tempat letak kereta dengan alasan yang 'rapi'. Wanita itu meletakkan kenderaan di kawasan larangan dan membiarkan enjin keretanya terpasang sementara dia mengadakan satu persembahan. Selepas disaman, dia menjelaskan terpaksa berbuat demikian kerana dalam bonet keretanya penuh dengan ular yang diperlukan untuk persembahannya.

Enjin terpaksa dihidupkan untuk memanaskan ular berkenaan dan mengelakkan ular tertidur sebelum persembahan. Dia terlepas daripada saman.

Kes paling pelik di dunia sepanjang 2008 berkaitan seorang kanak-kanak berusia sembilan tahun di New Zealand yang menarik perhatian dunia dengan namanya, *Talula Does The Hula From Hawaii* (Talula menari hula di Hawaii). Nama itu dikatakan membuatkan kanak-kanak terbabit akan berasa malu dan 'cacat' serta memalukan keturunannya nanti.

Hakim memutuskan bahawa nama itu mempunyai unsur 'penderaan' dan mengarahkan kanak-kanak itu diletakkan di bawah penjagaan mahkamah supaya dia boleh menukar namanya. Namun, hakim itu juga menyatakan bahawa memberi nama ganjil kepada anak kian menjadi fenomena di sana dengan menamakan anak dengan nama *Number 16 Bus Shelter* (Hentian Bas Nombor 16) dan untuk anak kembar, *Benson* dan *Hedges* (sejenis jenama rokok keluaran Britain) serta *Fish* dan *Chips* (sejenis menu Barat).

Untuk 2009, kita nantikan apa pula kes menarik yang akan berlaku. Dalam pada itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat tahun baru kepada seluruh warga Malaysia. Semoga tahun baru ini menjanjikan yang lebih baik untuk kita semua.

Penulis ialah pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), kini melanjutkan pelajaran peringkat doktor falsafah di Nottingham Trent University, United Kingdom

"Seorang wanita terlepas denda letak kereta kerana dalam kenderaan dipenuhi ular untuk persembahan"